



SIARAN MEDIA

PROGRAM ADVOKASI & JELAJAH KASIH: INISIATIF PERKUKUH PERLINDUNGAN DAN KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK

POKOK SENGA, 13 SEPTEMBER – YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah menyempurnakan Majlis Perasmian Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak dan Jelajah Kasih Komuniti Tahun 2025 di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) Pokok Sena, Kedah.

YB Timbalan Menteri dalam ucapannya berkata bahawa matlamat program advokasi ini ialah untuk menggerakkan seluruh lapisan masyarakat termasuk ibu bapa dan komuniti setempat agar bersama-sama memastikan kebajikan, keselamatan dan perkembangan kanak-kanak terpelihara sepenuhnya. Usaha ini juga menyokong inisiatif kerajaan dalam mencegah penderaan fizikal, emosi, seksual, pengabaian, eksploitasi atau sebarang bentuk penganiayaan sejajar dengan Akta Kanak-Kanak 2001.

“Keprihatinan semua pihak amat penting kerana anda adalah mata dan telinga masyarakat. Usah takut untuk membuat aduan, semakin cepat laporan dibuat, semakin cepat kanak-kanak dapat diselamatkan,” tegas beliau. Beliau turut menyeru semua pihak agar segera melaporkan sebarang kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak melalui **Talian Kasih 15999, WhatsApp 019-2615999** atau **aplikasi mudah alih Talian Kasih**.

Menurut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah (JKMN Kedah), sebanyak **514 kes** melibatkan kanak-kanak telah direkodkan di negeri Kedah antara Januari hingga Julai 2025, termasuk **37 kes** di daerah Pokok Sena sahaja. Situasi ini memerlukan perhatian serius semua pihak bagi mencari jalan penyelesaian.

Bagi menangani isu ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah berjaya melaksanakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak di **33 buah sekolah** di negeri ini, melibatkan lebih **10,303 peserta** pada tahun 2024.

Susulan kejayaan tersebut, Program Advokasi ini akan diperluas di **300 buah sekolah lagi pada tahun 2025 sebagai kesinambungan kepada usaha berterusan ini.** Sebagai nilai tambah dalam **Teras Strategik untuk Melindungi dan Membangun Kanak-Kanak**, Kerajaan telah memperluaskan pelaksanaan kepada **30 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) di seluruh Malaysia.** Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh advokasi perlindungan kanak-kanak, sebagai satu **gerakan nasional yang menyeluruh dan inklusif.**

Program hari ini juga diserikan dengan Kayuhan Jelajah Kasih Komuniti 2025, simbolik kepada semangat empati, perpaduan dan tanggungjawab sosial bersama. Melalui aktiviti kayuhan ini, pemimpin, agensi kerajaan dan masyarakat berpeluang berinteraksi secara lebih dekat, sekaligus memperkukuh jaringan kerjasama dalam komuniti.

Turut hadir pada hari ini adalah YBrs Puan Rosmahwati binti Ishak, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Jabatan.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
13 SEPTEMBER 2025